

**KOD ETIKA BAGI PEMEGANG PERMIT EJEN PEMILIKAN SEMULA
DI BAWAH AKTA SEWA BELI (PINDAAN 2010)**

Saya No.Kad.Pengenalan mengaku bahawa telah membaca dan memahami kandungan syarat-syarat permit tersebut serta akan mematuhi garis panduan dan kod etika yang ditetapkan di bawah Akta Sewa Beli (Pindaan 2010) seperti berikut :

1. Pemegang permit harus memiliki kad Permit EPS yang sah dan memastikan permit masih dalam tempoh sahlaku semasa menjalankan aktiviti pengambilan semula kenderaan atau barangan.
2. Pemegang permit harus mendapat keizinan daripada penyewa sebelum memasuki premis persendirian.
3. Pemegang permit haruslah berketerampilan kemas dan mengamalkan sikap profesionalisme semasa menjalankan aktiviti pengambilan semula kenderaan atau barangan.
4. Pemegang permit adalah **dilarang** menggunakan segala bentuk **kekerasan** sewaktu proses pengambilan semula dijalankan.
5. Sewaktu proses pengambilan semula dijalankan, pemegang permit harus :
 - i. Mempamerkan Permit EPS, Kad Pengenalan dan Perintah Pemilikan Semula yang dikeluarkan oleh tuan punya.
 - ii. Memberi masa yang munasabah kepada penyewa untuk memeriksa dan mengeluarkan barangan peribadi kepunyaan penyewa.
 - iii. Mengambil gambar dalam dan luar kenderaan atau barangan untuk diserahkan kepada pemunya.
 - iv. Mengeluarkan senarai inventori tentang keadaan barang semasa proses pengambilan semula dijalankan.
6. Pemegang permit tidak dibenarkan untuk memasuki premis persendirian kecuali dengan perintah mahkamah.
7. Pemegang permit haruslah membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam selepas proses pengambilan semula selesai dijalankan. Pengecualian hanya diberi bagi situasi tertentu, dimana tempoh masa pelanjutan tidak melebihi 48 jam.
8. Pemegang permit adalah terikat dengan segala **undang-undang, peraturan, terma dan syarat, kod etika** dan **garis panduan** yang telah ditetapkan oleh Pengawal bagi menjalankan aktiviti pengambilan semula.
9. Pemegang permit hendaklah sentiasa peka dengan sebarang Kod Etika dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pengawal dari semasa ke semasa.

.....
()

Tarikh :